

Pemilihan cara baru tentukan ahli berkuasa

15 APR 1988

Oleh Kamal Zailani

KUALA LUMPUR 14 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan memberi 10 undi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden UMNO (baru) yang dikemukakan oleh setiap bahagian adalah untuk menghargai dan memberi kuasa lebih kepada ahli - ahli peringkat bawah.

Presiden UMNO (baru) itu menegaskan, pindaan tersebut akan memberi suara lebih kepada pencalonan bahagian kerana dalam pemilihan - pemilihan yang lepas, didapati 80 bahagian membuat pencalonan kepada satu pihak tetapi bilangan yang memilih pihak itu didapati berkurangan. Ketetapan tersebut, ujarnya adalah wajar kerana UMNO adalah parti yang dimiliki oleh ahli - ahli *grass-root* dan bukannya parti kepunyaan 1,500 perwakilan sahaja. "Keputusan pemilihan yang telah lalu jelas menunjukkan bahawa perwakilan tidak mematuhi sama sekali keputusan yang dibuat oleh bahagian," ujarnya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat agung khas untuk meminda perlembagaan dan mesyuarat biasa Majlis Tertinggi parti di sini malam tadi.

PEMILIHAN CARA BARU TENTUKAN AHLI BERKUASA

Dalam sidang akhbar itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mengumumkan bahawa calon Presiden akan Timbalan Presiden akan secara automatik mendapat 10 undi dari tiap-tiap satu bahagian yang mencalonkan mereka. Bagaimanapun, di peringkat perhimpunan agung pengundian akan diadakan seperti biasa — seorang perwakilan satu undi. Bilangan perwakilan bahagian di perhimpunan agung juga tidak berubah iaitu 11 orang. Datuk Sri Dr. Mahathir

LIHAT MUKA 6

berpendapat, jika 1,500 perwakilan boleh membuat penentuan sesuka hati dan tujuan mereka tidak mematuhi kehendak *grass-root* maka kuasa mereka harus dikurangkan sedikit dan diberi balik kepada ahli-ahli biasa.

Katanya, kuasa para perwakilan, yang setengahnya mudah dipengaruhi, harus dikurangkan sedikit kerana UMNO perlu mengambilkira pandangan ahli-ahli *grass-root* yang menyokong penuh ketetapan yang dibuat oleh bahagian.

"Mereka yang membuat angkara terlalu sedikit dan golongan ini tidak boleh diberi kuasa terlalu besar untuk mengubah ketetapan yang telah dibuat oleh bahagian," katanya. Perdana Menteri menjelaskan keputusan tersebut memberi penghargaan kepada bahagian kerana jika ia tidak dilakukan, para perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung parti boleh dibeli, dipengaruhi dan disogok ketika mesyuarat berhenti rehat.

"Terus-terang saya katakan, perkara ini memang berlaku dan kita berharap dengan pindaan tersebut, walaupun ia berlaku, tetapi ia tidak akan memberi kesan," tegasnya.

Beliau menambah, ketua bahagian secara automatik dipilih untuk menghadiri perhimpunan agung parti tetapi Ketua Pemuda dan Wanita perlu bertanding untuk menjadi perwakilan. Katanya, perkara ini dibuat kerana apabila Ketua Pemuda dan Wanita ditetapkan menjadi perwakilan, mereka akan menjadi tumpuan orang-orang tertentu untuk mendapatkan sokongan. Bagaimanapun, katanya, wakil Pemuda dan Wanita ke perhimpunan agung akan ditambah dari lima kepada 30 orang supaya golongan itu tidak merasa diri mereka kehilangan suara.

Mengenai perlembagaan UMNO (baru), Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan,

umumnya, parti menggunakan perlembagaan yang lama tetapi beberapa pindaan dibuat semata-mata untuk mengelakkan daripada apa yang disebut sebagai 'jenis politik buruk' yang terdapat dalam UMNO. Katanya, dalam UMNO lama, sejak kebelakangan ini didapati salah satu daripada perkara yang menimbulkan masalah ialah pemilihan pemimpin di peringkat cawangan, bahagian dan Pusat.

Dalam pemilihan ini, kata beliau didapati amalan-amalan yang tidak baik seperti penggunaan wang untuk memilih orang-orang tertentu, percubaan untuk menghalang ahli-ahli yang tidak setuju dengan orang-orang tertentu daripada mengambil bahagian dalam mesyuarat dan mengadakan mesyuarat di rumah dengan menutup pintu pagar.

Sebab itulah, katanya, perlu dikurangkan pemilihan dan pindaan yang dibuat ialah untuk mengelakkan perbuatan orang-orang tertentu menghalang hak seseorang untuk menjadi ahli.

"Perkara ini dapat kita atasi kerana Majlis Tertinggi akan sahkan pemilihan ahli-ahli dan pemimpin di peringkat cawangan atau bahagian tidak mempunyai kuasa untuk menghalang seseorang menjadi ahli," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, perlembagaan UMNO (baru) akan dihantar ke Pendaftar Pertubuhan untuk disahkan dalam tempoh 14 hari.

Kepada pertanyaan sama ada ahli yang membawa parti ke mahkamah boleh dipecat, beliau menjelaskan, mereka yang membelakangkan parti sebenarnya tidak berhak menjadi ahli.

Bagaimanapun, katanya, Majlis Tertinggi tidak berhak menghalang mereka berbuat demikian. Tambahnya, mereka (golongan yang membawa UMNO ke mahkamah) mengatasi masalah dengan menyatakan UMNO (baru) tidak sah dan sebarang

masalah tidak boleh dirujuk kepada parti. "Ini satu cara yang cukup pandai kerana kalau mereka akui kita sah, mereka mesti rujuk kepada UMNO (baru)," katanya. Mengenai keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan permohonan Tun Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Datuk Manan, beliau berkata, ini memberi

kekuatan kepada UMNO (baru) bahawa apa yang dilakukan adalah untuk kepentingan bangsa, agama dan negara.

Tegasnya, memang UMNO berpendapat tidak ada sesiapa yang berhak menghalang perjalanannya tetapi kerana ada yang membawa parti ke mahkamah, perkara ini terpaksa mengikut perintah mahkamah.